

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Gelombang Omicron tamat jika 80 peratus suntik dos penggalak

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Gelombang baharu COVID-19 di Malaysia yang dicetuskan varian Omicron dapat ditamatkan dengan pantas jika imuniti penduduk negara kembali ke tahap optimum menjelang akhir bulan ini.

Pakar epidemiologi Universiti

Malaya (UM), Prof Datuk Dr Awang Bulgiba Awang Mahmud ketika menyuarakan keyakinan itu, berkata imuniti rakyat Malaysia dapat ditingkatkan menerusi pemberian dos penggalak secara besar-besaran hingga liputan mencapai 80 peratus penduduk negara.

Beliau yang juga Setiausaha Agung Akademi Sains Malaysia

6 Jika kita dapat kembali imuniti penduduk dengan pemberian dos penggalak kepada 80 peratus, bilangan kes baharu akan naik untuk masa yang singkat dan turun selepas itu

Awang Bulgiba Awang Mahmud,
Pakar epidemiologi UM

(ASM) juga yakin jika sasaran itu dapat dicapai, gelombang Omicron tidak akan memberi tekanan kepada sistem kesihatan negara, termasuk terhadap jumlah kemasukan ke hospital, unit rawatan rapi (ICU) dan kematian walaupun kes harian COVID-19 terus meningkat.

Nasional 5



Pusat Pemberian Vaksin di Melaka Mall, Melaka, semalam lengang dan kurang mendapat sambutan penduduk berhampiran untuk mendapatkan dos penggalak tanpa janji temu. (Foto Syafeeq Ahmad/BH)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Tak perlu kuat kuasa semula PKP

Pakar saran PKPD secara bersasar bagi membendung varian Omicron

Oleh Lugman Arif Abdul Karim dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa pakar kesihatan awam berpandangan tiada keperluan menguatkuasakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika negara kini berada sepenuhnya dalam gelombang baharu varian Omicron dengan kos melebihi 11,000 semalam.

Mereka berpendapat, pelaksanaan semula PKP akan memberi kesan jangka panjang kepada psikososial dan kedudukan eko-

nomi negara, sekali gus mencadangkan hanya PKP Diperketatkan (PKPD) kembali dikuat kuasa di lokaliti dikenal pasti secara bersasar, berpandukan angka kes COVID-19 di kawasan itu.

Pakar Kesihatan Pekerjaan dan Kesihatan Am, Dr Hanafiah Bashirun, mencadangkan pengurusan sektor swasta melaksanakan semula konsep bekerja dari rumah berpandukan situasi semasa penularan COVID-19 kerana majikan dapat mengurangkan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja dan mampu menjamin produktiviti tanpa menjejaskan operasi perniagaan mereka.

"Pihak pengurusan dan majikan ketika ini boleh dan mampu membuat penyesuaian lebih awal berpandukan penilaian situasi semasa penularan, selain menetapkan dasar fleksibel bergantung kepada angka kes harian. Mereka pasti tidak

mahu perniagaan berdepan risiko kerugian lebih teruk jika operasi terpaksa ditutup seketika sekiranya ramai kakitangan dijangkiti.

"Inilah antara langkah awal yang perlu dilakukan untuk mengelak jangkitan, jangan hanya bergantung kepada pengumuman kerajaan semata-mata kerana kita semua dalam usaha beralih ke fasa endemik," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, kes harian COVID-19 berisiko melonjak lebih 20,000 menjelang hujung bulan depan jika kadar kebolehan jangkitan (Rt) virus itu kekal pada kadar 1.2.

Dr Hanafiah turut mencadangkan operator restoran mewujudkan fleksibiliti dalam menentukan bilangan meja dibuka untuk pelanggan pada satu-satu masa berpandukan situasi semasa jangkitan harian, manakala pelanggan pula perlu bijak memilih restoran yang mahu dikunjungi.

"Jangan ke restoran yang sesak, pilihlah premis berhampiran yang mungkin menawarkan menu hampir serupa atau pilihan lebih baik adalah menjamu selera di rumah. Perlu bijak buat pilihan, sama ada mahu mengelak atau sedia untuk dijangkiti," katanya.

Sementara itu, pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman percaya, meskipun kes harian COVID-19 mencatatkan peningkatan mendadak, kerajaan tidak akan melaksanakan PKP seperti sebelum ini kerana situasi kawalan wabak di Malaysia pada masa ini amat berbeza berbanding penularan sejak awal 2020 hingga tahun lalu.

Sebelum ini, katanya, negara masih bergelut membendung penularan virus berkenaan, selain

Saya cadangkan pengurusan sektor swasta melaksanakan semula konsep bekerja dari rumah berpandukan situasi semasa penularan COVID-19

Dr Hanafiah Bashirun,
Pakar Kesihatan Pekerjaan dan Kesihatan Am



bertungkus-lumus mendapatkan bekalan vaksin mencukupi bagi keperluan rakyat dengan liputan vaksin dos primer, iaitu dua dos awal bagi membentuk perlindungan sistem tubuh terhadap jangkitan, masing-masing 97.9 peratus dalam kalangan dewasa dan 88.7 peratus bagi remaja.

Beliau menegaskan, PKP secara menyeluruh memang bukan lagi pendekatan yang boleh digunakan sekarang kerana ia menjejaskan pelbagai aspek, iaitu ekonomi, pendidikan, kesihatan mental dan sosial masyarakat, begitu juga dengan sekatan pergerakan lain, termasuk halangan untuk pulang beraya.

"Kita perlu tahu bahawa situasi sekarang amat berbeza, dulu tiada liputan vaksin yang baik, kesan varian Delta yang amat teruk dan kit ujian saringan sendiri pula tidak dapat diperolehi dalam harga berpatutan, terhad untuk kemampuan segelintir pihak.

"Kini, semua faktor itu berubah ketara apabila liputan vaksin kita antara terbaik di dunia, kesan klinikal berikutan varian Omicron pula tidak begitu teruk berbanding Delta dan kit ujian

saringan sendiri boleh didapati pada harga hampir 90 peratus lebih murah di pasaran.

"Justeru, tanggapan bahawa kita bakal berdepan sekatan pergerakan atau PKP menjelang hari raya Aidilfitri nanti adalah tidak berasas, malah jaminan sudah diberikan kerajaan yang akan membuat sebarang keputusan bersandarkan bukti dan asas sains," katanya.

Pada 23 Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan melaksanakan kembali PKP dan sekatan untuk pulang ke kampung bagi sambutan Aidilfitri tahun ini seperti didakwa pihak tertentu, sebaliknya jika kes meningkat di sesuatu kawasan, PKPD akan dilaksanakan secara bersasar di kawasan terbabit saja.

Jaminan sama kemudian disuarakan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin pada 3 Februari lalu yang mengakui bahawa kes harian COVID-19 bakal mencatatkan peningkatan mendadak, namun kelonggaran untuk pulang ke kampung meraikan perayaan seperti Tahun Baharu Cina dan Deepavali, juga dapat diberikan pada Aidilfitri kelak.

Bagi mengelak kekeliruan, Dr Malina berkata, orang awam yang membuat kenyataan, kononnya kerajaan bakal melaksanakan PKP menjelang Aidilfitri susulan peningkatan mendadak kes harian COVID-19 perlu menghentikan perbuatan sedemikian.

"Itu pemikiran negatif, sebaliknya kenapa kita tidak lihat bahawa peningkatan kes ini adalah 'wake up call' (keperluan untuk sedar) bahawa kita perlu memperkuatkan kembali pematuhan prosedur operasi standard (SOP), mengambil dos penggalak dan memberikan vaksin kepada kanak-kanak," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes harian kekal 5 angka

Individu positif kategori 1, 2 serta tak berisiko tinggi tidak perlu ke CAC

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes positif harian COVID-19 terus meningkat dan kekal lima angka apabila sebanyak 11,084 kes dilaporkan semalam selepas 10,089 kes dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata kes baharu itu sekali gus menjadikan jumlah individu di negara ini yang dijangkiti meningkat kepada 2,925,254 kes.

Daripada kes jangkitan baharu dilaporkan semalam, 10,976 atau 99.47 peratus berada dalam kategori Satu dan Dua. Sebanyak 58 atau 0.53 peratus pula dalam ka-

tegori Tiga iaitu pesakit ada jangkitan paru-paru, Empat (ada jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen dan Lima (kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator).

Menurutnya, Kategori Satu mencatat 2,819 kes atau 25.55 peratus; Kategori Dua (8,157 kes atau 73.92 peratus); Kategori Tiga (43 kes atau 0.39 peratus); Kategori Empat (11 kes atau 0.1 peratus) dan Kategori Lima (empat kes atau 0.04 peratus).


Sementara itu, **BERNAMA** melaporkan Dr Noor Hisham sebagai berkata, individu yang positif COVID-19 dalam kategori 1 dan 2A serta tidak berisiko tinggi, tidak perlu hadir ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC).

Mereka bagaimanapun perlu melakukan pemantauan kesihatan sendiri dengan melengkapkan Peralatan Penilaian di rumah (HAT) menerusi aplikasi MySejahtera.


Katanya, SMS atau panggilan daripada perkhidmatan rakaman suara automatik (panggilan robot) akan dihantar jika mereka belum atau tidak menjalankan

KADAR JANGKITAN DAN KEMATIAN PER 100,000 PENDUDUK DI MALAYSIA MENGIKUT STATUS VAKSINASI (IDIS 2021-6 JAN 2022)

Kadar insiden (per 100,000 penduduk)



Kadar kematian (per 100,000 penduduk)



Individu yang belum divaksin adalah 9 kali lebih berkemungkinan dijangkiti dan 62 kali lebih berkemungkinan berakhir dengan kematian sekiranya dijangkiti COVID-19 berbanding mereka yang sudah lengkap divaksin dan mengambil dos penggalak.

pemantauan sendiri secara harian.

Individu positif bagi kategori 2B dan ke atas (sama ada berisiko tinggi atau tidak) atau mengalami gejala yang semakin teruk, perlu ke CAC atau hospital berhampiran untuk pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC.

Kategori 1 COVID-19 ialah pesakit positif, tetapi tiada gejala, kategori 2A COVID-19 adalah pesakit dengan gejala sakit tekak atau sesak nafas tanpa demam atau sesak nafas dan batuk tanpa demam atau sesak nafas.

Selain itu, kategori 2A membabitkan pesakit yang hilang de-

ria rasa tetapi masih mempunyai selera makan, hilang deria bau, cirit-birit dua kali atau kurang dalam tempoh 24 jam, loya dan muntah, keletihan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian serta sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian.

Gejala lain adalah berasa letih terutama ketika melakukan aktiviti harian atau baru bangun tidur; perlu berjalan dengan bantuan, gejala semakin teruk (ba-

tuk, loya, muntah atau cirit-birit), tahap kesedaran berkurangan dan juga semakin kurang kencing dalam masa 24 jam.

"Individu yang perlu menghadiri CAC terdekat untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi oleh CAC melalui SMS atau panggilan telefon.

"Tempoh pengasingan (pengasingan) bagi individu positif COVID-19 yang tidak bergejala dan selesai vaksinasi ialah tujuh hari, manakala tempoh pengasingan bagi individu positif COVID-19, vaksinasi bergejala dan tidak lengkap atau tiada vaksin adalah selama 10 hari," katanya.

'Tingkatkan kapasiti pemberian dos penggalak'

Dari Muka 1

"Jika kita dapat kembalikan imuniti penduduk ke tahap optimum menjelang akhir Februari ini dengan pemberian dos penggalak kepada 80 peratus penduduk, bilangan kes baharu akan naik untuk masa yang singkat dan turun selepas itu.

"Tumpuan ketika ini sepatutnya pada (empat indikator utama) kadar kes teruk (Kategori 3 hingga 5), penggunaan katil hospital, kes ICU dan kematian, bukannya bilangan kes baharu semata-mata," katanya kepada BH.

Setakat kelmarin, seramai 12,361,663 individu dewasa atau 52.8 peratus sudah menerima suntikan dos penggalak COVID-19.

Sejumlah 22,929,493 individu dewasa atau 97.9 peratus pula telah melengkapkan vaksinasi, manakala 99.2 peratus atau 23,238,753 menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Pada 6 Februari, Kementerian Kesihatan merekodkan kadar penggunaan katil keseluruhan (64.5 peratus); kadar penggunaan

katil pesakit COVID-19 (40.2 peratus); ICU keseluruhan (52.6 peratus) dan ICU pesakit COVID-19 (16.2 peratus).

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata masih ada satu juta warga emas belum mendapatkan dos penggalak.

Sehubungan itu, beliau menggesa orang ramai untuk memaklumkan kepada golongan warga emas dalam keluarga masing-masing untuk segera mendapatkan dos penggalak, bagi melindungi mereka daripada kesan buruk Omicron.

Gesaan Khairy itu berikutan kes harian kelmarin mencecah 10,000, dan meningkat kepada lebih 11,000 kes, semalam.

Khairy menjangkakan jumlah kes harian akan terus naik dan mencecah 15,000 tidak lama lagi, manakala Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pula memberi amaran kes harian COVID-19 berisiko melonjak sehingga 22,000 menjelang akhir bulan depan sekiranya kadar kebolehhangkitan (Rt) kekal pada 1.2.

Dr Awang Bulgiba berkata, jika tahap imuniti penduduk secara

amnya dapat dikembalikan ke tahap optimum menjelang hujung bulan ini, kenaikan empat indikator itu tidak akan menyamai kenaikan kadar kes baharu dan gelombang COVID-19 kali ini tidak akan lama.

Beliau mengulas lonjakan kes harian COVID-19 kepada lebih 11,000 semalam selepas berlegar sekitar 2,000 hingga 3,000 selama lebih lima minggu sejak pertengahan Disember tahun lalu akibat varian Omicron.

Bagaimanapun, jumlah kes positif terus meningkat mulai Januari lalu apabila mencecah 4,000 kes sehari dan 5,566 kes 1 Februari; 5,736 kes (2 Februari); 5,720 kes (3 Februari); 7,234 kes (4 Februari); 9,117 kes (5 Februari) dan 10,089 kes pada 6 Februari.

Berikutan itu, Dr Awang Bulgiba menggesa kerajaan meningkatkan kapasiti pemberian dos penggalak kepada 360,000 dos sehari bagi memastikan imuniti penduduk dapat dikembalikan ke tahap optimum sebelum hujung bulan ini, selain perlu segera melengkapkan vaksinasi kanak-kanak.

"Perlu juga menganalisis data keberkesanan dos penggalak da-

lam mencegah kes Kategori 3 hingga 5 dan menguar-uarkan hasil analisis itu kepada orang ramai.

Kerajaan perlu beri penerangan jelas keberkesanan vaksin dan dos penggalak kerana penjelasan yang diberi setakat ini kurang meyakinkan orang ramai mengenai keperluan dos penggalak," katanya.

Menurutnya, dos penggalak antara kunci utama bagi memastikan sistem perkhidmatan kesihatan awam tidak terjejas dalam tempoh gelombang Omicron, sekali gus mengekang virus merebak dengan cepat.

"Jumlah pesakit COVID-19 kategori 3 hingga 5 serta kes kematian yang rendah ketika ini adalah disebabkan kadar vaksinasi yang tinggi di Malaysia, dengan 97.9 peratus penduduk dewasa dan 88.7 peratus remaja berusia 12 hingga 17 tahun sudah lengkap divaksin.

"Namun, tahap antibodi selepas dos kedua vaksin COVID-19 menurun dengan pantas, sekali gus varian Omicron boleh menjangkiti walaupun sudah lengkap divaksin.

Jika bilangan yang dijangkiti

amat tinggi, misalnya 50,000 sehari dan walaupun kadar pesakit kategori 3 hingga 5 adalah rendah, contohnya satu peratus, bilangan memerlukan rawatan di hospital dan ICU tetap tinggi.

"Satu peratus daripada 50,000 adalah 500 pesakit sehari dan jika ini berterusan untuk jangka masa lama seperti tiga bulan, ia akan melebihi kemampuan hospital awam untuk merawat pesakit COVID-19 kategori tiga hingga lima," katanya.

Sementara itu, Khairy pada sidang media khas semalam, berkata, KKM bersiap sedia dengan 120 hospital COVID-19, iaitu sembilan hospital khusus untuk COVID-19 dan 111 lagi hospital hibrid, selain 43 Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dengan kapasiti sebanyak 10,810 katil bagi menghadapi kemungkinan peningkatan kes.

Katanya, bagi memastikan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam menghadapi gelombang terbaharu ini, KKM juga sudah mengaktifkan semula Pasukan Petugas Khas Tindak Balas Pantas Kebangsaan COVID-19 (RR-TF).

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jawatankuasa khas kawal pandemik diaktif semula

Tindakan awalan pastikan tahap kesiapsiagaan tinggi hadapi gelombang baharu

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
 yusri.muzamir@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mengaktifkan semula National COVID-19 Rapid Response Task Force (RRTF) dalam usaha memastikan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam menghadapi gelombang terbaharu penularan COVID-19.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata RRTF adalah jawatankuasa khas yang akan melaksanakan tindakan awalan pantas dalam mengawal penularan di sesebuah negeri atau kawasan.

"Antara tindakan awalan pantas berkenaan ialah menambah dan mengubah suai katil bukan COVID-19, membina hospital me-

dan dan penyumberluaran pesakit ke hospital swasta.

"RRTF ini akan dipengerusi secara bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Asmayani Khalib, yang akan membuat pelaporan terus kepada saya," katanya pada sidang media, semalam.

KKM juga katanya, kini dalam proses membangunkan COVID-19 Clinical Care Pathway. Ia bertujuan memulakan ubat antiviral terkini yang akan diberi kepada pesakit COVID-19 berisiko tinggi pada peringkat lebih awal ketika mereka bergejala ringan bagi mencegah jangkitan menjadi lebih teruk.

Dalam pada itu, Khairy berkata, sebanyak 3,233 daripada 9,776 katil di hospital digunakan bagi merawat kes COVID-19 dengan kadar penggunaan 33 peratus, peningkatan empat peratus berbanding minggu sebelumnya.

Kadar penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) pula sebanyak 14 peratus atau 116 daripada 850 katil disediakan, iaitu penurunan sebanyak satu peratus.

"Ketika ini kadar penggunaan

katil COVID-19 di fasiliti kesihatan kekal berada di tahap yang tidak membebaskan. KKM setakat semalam sudah bersedia sedia dengan 120 Hospital COVID-19 masing-masing sembilan Full COVID-19 Hospital dan 111 Hibrid COVID-19 Hospital. Selain itu, sebanyak 43 Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dengan kapasiti 10,810 katil," katanya.

KKM juga mengaktifkan semula semua klinik kesihatan (KK) di seluruh negara supaya bersedia untuk menerima kedatangan pesakit yang tinggi. Ketika ini, ada 370 Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di KK dan di komuniti yang sedang beroperasi untuk membuat penilaian pesakit positif COVID-19.

Selain itu, pejabat kesihatan daerah (PKD) akan sentiasa mengenal pasti KK dan dewan orang ramai yang sesuai untuk menampung pertambahan kes COVID-19 jika terdapat keperluan.

"Selain itu, mengenal pasti dan menyelaras pesakit perlu dirujuk PKRC atau hospital serta menjalankan penilaian dan pelepasan bagi kes positif yang tamat tempoh pengasingan," katanya.

Mengenai dos penggalak,

Khairy merayu semua pihak, khususnya warga emas supaya mengambil suntikan bagi mengelak jangkitan lebih teruk terutamanya dengan lonjakan kes berkaitan varian Omicron.

Ini kerana risiko jangkitan teruk juga adalah lebih tinggi dalam kalangan warga emas, dengan sebanyak 18,362 atau 57.32 peratus daripada 32,034 kematian akibat wabak itu hingga kelmarin membabitkan golongan berkenaan.

Beliau berkata, kira-kira satu juta atau 32 peratus warga emas dikenali pasti masih belum mengambil dos penggalak vaksin COVID-19. Justeru, KKM meminta supaya individu berusia 60 tahun ke atas segera mendapatkan dos penggalak dan boleh datang secara walk-in di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berhampiran.

Dalam pada itu, KKM setuju memberi pilihan kepada orang ramai bagi mendapatkan vaksin Sinovac bagi suntikan dos penggalak pelalian COVID-19. Ia berikutan seramai 3.5 juta penerima vaksin Sinovac dikenal pasti belum mengambil suntikan dos penggalak pelalian COVID-19.

Keputusan itu katanya, dibuat selepas mengambil kira pengam-

Antara tindakan awalan pantas berkenaan ialah menambah dan mengubah suai katil bukan COVID-19, membina hospital medan dan penyumberluaran pesakit ke hospital swasta

Khairy Jamaluddin,
Menteri Kesihatan



bilan dos penggalak daripada apa-apa jenama vaksin adalah lebih baik, berbanding langsung tidak mengambil dos berkenaan.

"Saya setuju dengan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, ada keengganan daripada penerima Sinovac untuk mendapatkan dos penggalak daripada Pfizer-BioNTech.

"Kita akan memberi pilihan (kepada penerima) jika mahu mendapatkan Sinovac (bagi dos penggalak), namun perlindungan terbaik masih Pfizer dan AstraZeneca.

"Kita akan beri pilihan kita dan masih ada lagi sedikit stok yang tersedia untuk first come first serve, selain ia akan umumkan melalui Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF)," katanya.

'3 anak bersemangat tunggu suntikan dos pertama'

Alox Setar: "Sejak malam tadi (kelmarin), tiga anak saya bersemangat menunggu hari ini (semalam) bagi menerima suntikan vaksin dos pertama. Saya lega apabila ketiga-tiga anak sudah menerimanya dan sekarang lebih yakin apabila mereka ke sekolah serta ketika berdepan orang ramai," kata Nurul Alimin Mustafa, 42.

Ibu kepada empat anak itu berkata, tiga anaknya, Umar Achmad Rachmad Kurniawan, 11; Umairah, 9; dan Umaimah, 7, menerima suntikan itu di Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (PICKids) di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), semalam.

Katanya, anak-anaknya tidak menunjukkan rasa takut, malah lebih seronok apabila melihat kanak-kanak lain turut menerima suntikan dos pertama pada hari kedua PICKids di sini, semalam.

"Melalui suntikan ini, mereka akan mendapat perlindungan daripada virus dan program suntikan ini sememangnya bagus untuk melindungi anak kita.

"Anak-anak saya sendiri memang mahukan suntikan vaksinasi untuk diri mereka dan se-

ring bertanya perkara itu kepada saya sejak kelmarin (Sabtu lalu)," katanya yang menetap di Kuala Kedah.

Suri rumah, Rusmina Ibrahim, 49, berkata anak keenamnya, Fariyal Bostomi, 7, antara kanak-kanak yang tidak melepaskan peluang menerima suntikan vaksin.

Katanya, kini dia lebih yakin dan selamat untuk menghantar anak ke sekolah selepas mendapat suntikan imunisasi, sekali gus mencegah daripada penyakit berjangkit.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Othman Warji berkata, pihaknya menyasarkan kira-kira 80 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun di Kedah menerima suntikan vaksin dalam tempoh enam bulan.

Beliau berkata, jumlah keseluruhan yang mendaftar melalui MySejahtera di negeri ini seramai 33,930 orang.

Katanya, daripada jumlah itu, daerah Kuala Muda mencatatkan pendaftaran tertinggi sebanyak 10,938, manakala Bandar Baharu paling rendah dengan 478 pen-



Dr Othman Warji (duadua kiri) melihat Umairah menerima suntikan vaksin sambil ditemani ibunya Nurulalimin (tiga dari kanan) pada Pelancaran Program Imunisasi COVID-19 Kanak-Kanak (PICKIDS) di Hospital Sultanah Bahiyah, semalam.

(Foto BERNAMA)

daftar setakat ini.

"Terdapat empat pusat pemberian vaksin khas (SPPV) untuk kanak-kanak memiliki tahap imuniti rendah dan komorbiditi di Kedah iaitu HSB, Hospital

Sultan Abdul Halim, Hospital Kulim dan Hospital Sultanah Maliha.

"Kita juga akan memulakan suntikan PICKids ini di klinik kesihatan dan pusat pemberian

vaksin (PPV) 'offsite' yang masih beroperasi di Kedah, selain itu akan diadakan PPV 'outreach' ke sekolah bagi memudahkan akses dan meningkatkan liputan suntikan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL



REAKSI ceria Annur Jelita (dua dari kanan) bersama abangnya Affan Zafrel (kiri), Ahmad Aeril (kanan) dan ibu mereka selepas menerima suntikan vaksin pada hari pertama PICKids Pahang di SPPV HTAA, semalam.

Teruja ambil vaksin bersama dua adik

Kuantan: Tiga beradik teruja apabila menerima suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) yang bermula di negeri ini, semalam.

Affan Zareef Mohd Amri, 11, bersama dua adiknya Ahmad Aeril Zafrel, 10, dan Annur Jelita Zahra, 5, yang ditemani ibu bapa Mohd Amri Abd Basid, 40, dan Saidatul Asyikin Nordin, 37, dilihat bersahaja semasa menerima suntikan sehingga proses pemantauan selesai.

Affan Zareef dari Indera Mahkota, di sini, berkata ibu bapanya tidak memaksa mereka malah dia sememangnya bersedia serta tidak sabar untuk menerima vaksin Covid-19 dos pertama itu.

"Saya dengan adik tak

takut pun dan memang bersedia untuk disuntik malah masa kena cucuk pun tak sakit. Saya sendiri yang nak ambil vaksin kerana bimbang kena jangkitan teruk Covid-19," kata anak sulung daripada empat beradik itu.

Affan Zareef dan dua adiknya antara 30 kanak-kanak yang menerima suntikan vaksin jenis Pfizer di pusat pemberian vaksin khas (SPPV) Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), di sini, yang turut dihadiri Timbalan Pengarah HTAA Dr Rafidah Mohd Salleh.

Bagi Saidatul Asyikin, inisiatif membawa ketiga-tiga anaknya untuk menerima vaksin Covid-19 adalah ikhtiar bagi melindungi anak-anaknya daripada terkena jangkitan wabak itu.

- Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

24,788 laporan babit kesan susulan vaksin

Kuala Lumpur: Sistem Pelaporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menerima 24,788 laporan AEFI termasuk 1,004 laporan membabitkan dos penggalak vaksin Covid-19.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, kadar pelaporan AEFI bagi dos penggalak direkodkan pada 84 bagi setiap satu juta dos berbanding kadar pelaporan AEFI keseluruhan 390 per 1,000,000 dos.

"Kadar pelaporan AEFI bagi dos penggalak jauh lebih rendah (empat kali lebih rendah) berbanding ka-

1,004
Jumlah laporan AEFI diterima babit dos penggalak

dar keseluruhan. "Demam, kesakitan pada tempat suntikan, sakit kepala dan keletihan antara kesan advers kerap dilaporkan penerima vaksin," katanya.

Menurutnya, daripada jumlah laporan AEFI diterima bagi dos penggalak, 64 laporan dikesan sebagai serius bersamaan kadar lima laporan bagi setiap satu juta dos.

"Ia lebih rendah berbanding laporan AEFI serius diterima bagi keseluruhan iaitu pada kadar 27 laporan bagi setiap satu juta dos.

"Berdasarkan analisis interim bagi data Kajian Surveilans Keselamatan Vaksin Covid-19 dijalankan NPRA untuk Februari hingga November 2021, AEFI paling kerap dilaporkan susulan pengambilan dos penggalak ialah demam (62 kes per setiap satu juta dos), sakit kepala (38 kes per setiap satu juta dos), Immunisation Stress-Related Reaction (ISRR) (35 kes per setiap satu juta dos), sakit otot (28 kes per setiap satu juta dos), sakit di tempat suntikan (25 kes per setiap satu juta dos), sejuk menggigil (19 kes per setiap satu juta dos).

"Selain itu, antara kesan sampingan dilaporkan pening (18 kes per setiap satu juta dos), sesak nafas (16 kes per setiap satu juta dos), loya (16 kes per setiap satu juta dos) dan palpitasi (15 kes per setiap satu juta dos) dan majoriti AEFI ringan dan biasanya pulih dalam selepas beberapa hari tanpa rawatan," katanya.

Khairy berkata, kesimpulan daripada pemantauan laporan AEFI diterima NPRA setakat ini, trend dan kadar pelaporan AEFI membabitkan dos penggalak tidak menunjukkan peningkatan daripada apa yang dilihat semasa pemberian dos primer.

11,034 jangkitan baharu dilaporkan

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 terus melonjak apabila 11,034 kes dilaporkan semalam berbanding 10,089 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka terbaharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di Malaysia mencecah 2,925,254.

Dalam ciapan berasingan semalam, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 10,976 kes atau 99.47 peratus daripada 11,034 kes keseluruhan Covid-19 dilaporkan dalam kategori satu dan dua.

Beliau berkata, 58 atau 0.53 peratus kes dilaporkan dalam kategori tiga iaitu pesakit mengalami jangkitan paru-paru, empat (jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen) dan lima (kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator).

"Sebanyak 2,819 kes (25.55 peratus) direkodkan dalam kategori satu dan 8,157 kes (73.92) peratus kategori dua.

"Sementara itu, 43 kes (0.39 peratus) kategori tiga, 11 kes (0.10 peratus) kategori empat dan empat kes (0.04 peratus) kategori lima," ciapnya di Twitter.

Oleh Suraya Roslan dan Yumizal Dolah Aling am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

"Bukanlah daripada KJ untuk menafikan hari raya nanti, tetapi Omicron ini kena pada semua, bukan Malaysia saja, tetapi luar negara juga," kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Katanya, peningkatan kes positif Covid-19 bukan sesuatu yang luar jangka dan ia disebabkan penularan varian Omicron yang lebih mudah merebak.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebelum ini memaklumkan bahawa kemunculan varian Omicron akan menyaksikan berlakunya peningkatan kes harian Covid-19 dalam negara.

Katanya, bermula 6 Februari lalu, Malaysia kembali mencatat jumlah kes positif melebihi 10,000 kes.

"Jumlah kes pada Minggu Epid 4 (23 hingga 29 Januari 2022) adalah 31,980 kes ma-

PENULARAN VARIAN OMICRON

Kenaikan kes sudah dijangka

nakala pada Minggu Epid 5 (30 Januari hingga 5 Februari 2022) adalah 43,062 kes iaitu peningkatan 34.7 peratus.

"Kebanyakan kes tidak bergejala atau bergejala ringan dalam kategori klinikal satu dan dua.

"Daripada jumlah kes pada Minggu Epid 5, sebanyak 42,727 (99.2 peratus) adalah kategori satu dan dua dan hanya 335 (0.8 peratus) adalah kategori tiga hingga lima," katanya pada sidang media, semalam.

Namun begitu, beliau berkata, apabila jumlah kes keseluruhan meningkat, bilangan kes mengikut kategori juga meningkat iaitu peningkatan sebanyak 35 peratus bagi kes kategori satu dan dua pada Minggu Epid 5 berbanding Minggu Epid 4 dan peningkatan 17 peratus bagi kes kategori tiga hingga lima.

Katanya, pada Minggu Epid 5, jumlah kes kematian akibat Covid-19 adalah 68 kes iaitu penurunan sebanyak 8.1 peratus berbanding Minggu Epid 4 manakala bilangan kes Unit Rawatan Rapi (ICU) 91 kes, pengurangan 17 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Khairy berkata, pada Minggu Epid 5, ada 89 kluster baharu Covid-19 yang dikenal pasti dengan 353 kluster aktif.

Daripada 89 kluster baharu ini, 52 kluster pendidikan, kluster tempat kerja (20), kluster komuniti (tujuh), kluster dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi (enam), kluster pusat tahanan (tiga) dan kluster keagamaan (1).

Beliau berkata, pada masa ini kadar penggunaan katil Covid-19 di fasiliti kesihatan kekal berada di tahap yang tidak membimbangkan.

"Setakat 6 Februari 2022, KKM bersedia sedia dengan 120 Hospital Covid-19, sembilan hospital penuh Covid-19, 11 hospital hibrid, 43 Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) dengan kapasiti 10,810 katil," katanya.

Khairy berkata, ia adalah jawatankuasa khas melaksanakan tindakan awalan pantas dalam mengawal penularan di negeri atau kawasan antaranya menambah katil dan mengubah suai katil bukan Covid-19, membina hospital medan dan menyumbat pesakit ke hospital swasta.

Khairy berkata, individu positif Covid-19 kategori 2B (bergejala sederhana dan ke atas) dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat tanpa menunggu panggilan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau CAC terutamanya individu berusia 60 tahun ke atas mempunyai komorbid, gejala yang semakin teruk dan tidak mengambil vaksin atau belum lengkap vaksin.

"Tempoh isolasi (pengasingan) bagi individu positif Covid-19 yang tidak bergejala dan sudah lengkap vaksinasi adalah tujuh hari manakala tempoh isolasi bagi

Individu positif kategori 2B perlu hadir ke CAC

Kuala Lumpur: Individu positif Covid-19 kategori satu (tiada gejala) dan 2A (gejala ringan) serta tidak berisiko tinggi (60 tahun ke bawah dan tidak mempunyai komorbid) tidak perlu hadir ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC).

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, pesakit perlu melakukan pemantauan sendiri setiap hari melalui Health Assessment Tool (HAT) dalam aplikasi MySejahtera.

"Sistem pesanan ringkas atau panggilan daripada perkhidmatan Automated Voice Recording dihantar jika pesakit tidak menjalankan pemantauan sendiri melalui MySejahtera.

"Individu perlu hadir ke CAC terdekat untuk penilaian tahap keterukan jangkitan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui SMS atau panggilan telefon dengan senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di <https://covid-19.moh.gov.my/hotline>," katanya.

Khairy berkata, individu positif Covid-19 kategori 2B (bergejala sederhana dan ke atas) dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat tanpa menunggu panggilan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) atau CAC terutamanya individu berusia 60 tahun ke atas mempunyai komorbid, gejala yang semakin teruk dan tidak mengambil vaksin atau belum lengkap vaksin.

"Tempoh isolasi (pengasingan) bagi individu positif Covid-19 yang tidak bergejala dan sudah lengkap vaksinasi adalah tujuh hari manakala tempoh isolasi bagi

370
Jumlah CAC di Klinik Kesihatan sedia buat penilaian

individu positif Covid-19, bergejala dan tidak lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi adalah selama 10 hari.

"Sementara itu, bagi individu dikenal pasti sebagai kontak rapat, tempoh kuarantin seperti berikut, lima hari bagi individu terima dos penggalak, tujuh hari bagi individu menerima vaksinasi lengkap dan 10 hari bagi individu belum lengkap vaksinasi atau belum divaksinasi," katanya.

Menurutnya, bagi semua individu dikenal pasti kontak rapat kepada kes positif (termasuk yang belum divaksinasi) jika tiada gejala, tidak perlu hadir ke CAC dan tidak perlu lakukan ujian penegasan Covid-19.

"Kontak rapat diberi Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) digital dan hanya perlu menjalani kuarantin di kediaman.

"Jika bergejala, perlu lakukan ujian sendiri. Jika positif dan di dalam kategori 2A, teruskan pengasingan di rumah tanpa perlu hadir ke CAC dan keputusan ujian mesti dilaporkan dalam aplikasi MySejahtera," katanya.

Khairy berkata, semua klinik kesihatan bersedia menerima kedatangan pesakit yang tinggi dan sehingga 7 Februari lalu, ada 370 CAC di Klinik Kesihatan dan di komuniti beroperasi untuk membuat penilaian pesakit positif Covid-19.

Kuala Lumpur: Semua individu berusia 60 tahun dan ke atas atau penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas perlu mengambil suntikan dos penggalak bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap sebelum 1 Mac ini.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin berkata, jika gagal berbuat demikian, mereka akan dikira berstatus tidak lengkap vaksinasi dan akan tertera di dalam aplikasi MySejahtera.

Katanya, ia membabitkan semua penerima vaksin warga emas tidak kira jenis vaksin pertama dan kedua, penerima vaksin Sinovac dewasa.

"Jika tidak, sijil digital itu

PENERIMA VAKSIN SINOVA

Ambil dos penggalak untuk terima status vaksinasi lengkap

tukar warna kepada putih, maksudnya status vaksinasi penuh tidak diberi dan sekatan dibuat di pintu masuk tertentu.

"Saya setuju dengan Ketua Pengarah (Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah) ada penggalakan penerima Sinovac contohnya untuk terima dos penggalak Pfizer.

"Saya nak umumkan ada 3.5 juta penerima vaksin primer Sinovac belum terima dos penggalak lagi. Mereka terdedah kepada varian Omicron sebab keberkesanan Sinovac tidak setinggi Pfizer, walaupun berkesan, tidak sebaik dan efektif Pfizer.

"Sebab itu kita galakkan mereka terima Pfizer dan AstraZeneca, tetapi apa juga penggalak lebih baik daripada tiada langsung. Sebab itu kita beri janji temu untuk mereka pilih jika mahu Sinovac bagi dos penggalak mereka," katanya.

Beliau turut mengumumkan akan bagi memastikan tahap kesiapsiagaan tinggi meng-

hadapi gelombang terbaharu ini, Kementerian Kesihatan (KKM) mengaktifkan semula National Covid-19 Rapid Response Task Force (NRTF).

Khairy berkata, ia adalah jawatankuasa khas melaksanakan tindakan awalan pantas dalam mengawal penularan di negeri atau kawasan antaranya menambah katil dan mengubah suai katil bukan Covid-19, membina hospital medan dan menyumbat pesakit ke hospital swasta.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : COVID-19

OMICRON: ELAK KEBANJIRAN PESAKIT MASUK HOSPITAL

Perhebat pemberian dos penggalak: Pakar

Oleh Ekhwan Haque
 Fazlul Haque
 ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan perlu merencanakan semula program suntikan dos penggalak Covid-19 bagi memastikan lebih ramai rakyat dilindungi, khususnya ketika negara berdepan gelombang varian Omicron.

Pakar Kesihatan Awam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh ber-

kata, walaupun kesan jangkitan varian Omicron tidak seteruk Delta, ia dikuatiri meningkatkan kapasiti memasuki hospital dan risiko maut.

Katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu mempelbagaikan kempen dan program agar kesedaran kepentingan dos penggalak ini diketahui.

"Program dos premier sebelum ini berjaya kerana lebih 90 peratus rakyat negara ini sudah menerima vaksin Covid-19 seterusnya penularan terkawal.

"Namun varian Omicron ini yang menjadi superspreader (perebak utama) menyebabkan kes positif kembali meningkat selain pelbagai faktor lain seperti cuti umum panjang," katanya ketika dihubungi, semalam. Beliau berkata, dos penggalak diperlukan untuk meningkatkan semula antibodi seseorang itu selepas beberapa bulan disuntik dos premier.

Katanya, suntikan dos penggalak ini penting kerana pelbagai varian baharu dikesan dan ada antaranya

mudah merebak seperti Omicron.

"Kemunculan varian baharu ini menyebabkan dos penggalak itu penting bagi memastikan antibodi terus kekal pada tahap yang optimum," katanya.

Kes baharu Covid-19 di Malaysia sudah melangkaui 10,000 kes kelmarin yang mempunyai kaitan dengan penularan varian Omicron.

KKM juga menjangkakan kes jangkitan Covid-19 boleh mencecah sehingga 22,000 kes menjelang akhir Mac ini.

Alor Setar: "Sejak malam tadi (kelmarin), tiga anak saya bersemangat tunggu hari ini (semalam) bagi menerima suntikan vaksin Covid-19.

"Saya berasa lega apabila ketiga-tiga mereka menerima suntikan dos pertama hari ini (semalam) kerana lebih yakin apabila ke sekolah dan berhadapan dengan orang ramai," kata Nurul Alimin Mustafa, 42.

Ibu kepada empat anak itu berkata, tiga anaknya, Umar Achmad Rachmad Kurniawan, 11, Umairah, 9, dan Umalmah, 7, menerima suntikan itu di Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), semalam.

Menurutnya, anaknya tidak menunjukkan perasaan takut dan kelihatan lebih seronok apabila melihat kanak-kanak lain turut menerima suntikan dos pertama pada hari kedua PICKKids di sini.

"Melalui suntikan ini, mereka akan mendapat perlindungan daripada virus dan program suntikan ini sememangnya bagus untuk melindungi anak kita.

"Anak-anak saya sendiri memang mahukan suntikan vaksinasi untuk diri mereka dan bertanyakan tentang perkara itu kepada dirinya sejak kelmarin (Sabtu)," katanya yang menetap di Kuala

NURUL ALIMIN (dua dari kiri) bersama tiga daripada empat anaknya yang menerima suntikan dos pertama vaksin pada program PICKKids di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB). - Gambar NSTP/ZULFIY ZULKIFLI



Lega 3 anak selesai vaksinasi

la Kedah.

Suri rumah, Rusmina Ibrahim, 49, pula berkata, anak keenamnya, Fariyal Bostomi, 7, antara yang tidak melepaskan peluang menerima suntikan vaksin terbabit.

Menurutnya, kini dia lebih yakin dan selamat untuk menghantar anak ke sekolah disebabkan dia mendapat suntikan imunisasi, sekali gus mampu mencegah daripada penyakit berjangkit.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Kedah Dr Orhman Warjo berkata, pihaknya

menyasarkan 80 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun di Kedah menerima suntikan vaksin dalam tempoh enam bulan.

Menurutnya, jumlah keseluruhan yang mendaftar melalui MySejahtera di negeri itu adalah 33,930 orang.

Katanya, daripada jumlah itu, daerah Kuala Muda mencatatkan jumlah pendaftaran tertinggi iaitu sebanyak 10,938, manakala Bandar Baharu paling rendah dengan 478 pendaftaran buat masa ini.

"Terdapat empat pusat

pemberian vaksin khas (SP-PV) untuk kanak-kanak memiliki tahap imuniti rendah dan komorbiditi di Kedah, iaitu HSB, Hospital Sultan Abdul Halim, Hospital Kulim dan Hospital Sultanah Maliha.

"Kita juga akan memulakan suntikan PICKKids ini di klinik kesihatan dan pusat pemberian vaksin (PPV) offsite yang masih beroperasi di Kedah, selain itu akan diadakan PPV outreach ke sekolah-sekolah bagi memudahkan akses dan meningkatkan liputan suntikan," katanya.

Abai SOP punca jangkitan naik

Kota Kinabalu: Sikap cuai dan tidak peduli terhadap prosedur operasi standard (SOP) semasa berkumpul atau berada di khalayak ramai merupakan antara punca peningkatan kes harian Covid-19 di Sabah sejak kebelakangan ini, kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Masidi Manjun.

Jurucakap Covid-19 Sabah itu berkata, ini dapat dilihat apabila pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal sudah semakin longgar dalam kalangan masyarakat yang menyebabkan kes harian melonjak kepada 1,285 kes kelmarin.

Bellau berkata, ketidakpatuhan SOP itu juga memburukkan lagi keadaan apabila pada masa ini virus Covid-19 sudah bertapak secara meluas dalam komuniti dan memudahkan kadar perebakan serta jangkitan dengan lebih cepat.

"Sebanyak 47,55 peratus kes jangkitan baharu hari ini berlaku secara sporadik dan hanya disedari apabila pesakit mengalami gejala jangkitan Covid-19.

"Peratusan kes-kes me-

1,285

Jumlah kes harian direkodkan di Sabah kelmarin

lalui saringan bergejala adalah tinggi di kawasan bandar. Sebagai contoh, hampir 50 peratus daripada 309 kes baharu di Kota Kinabalu adalah daripada kategori saringan bergejala," katanya menerusi kenyataan di sini, kelmarin.

Selain itu, katanya, tertakluk kepada pengesanan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, peningkatan kes sejak seminggu ini berkecuali disebabkan penularan virus Covid-19 jenis Omicron yang lebih cepat merebak berbanding varian biasa.

Dalam pada itu, Masidi berkata, seperti yang dijangka, jumlah kes baharu di Sabah terus meningkat apabila 1,285 kes direkodkan kelmarin menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 252,930 kes manakala 328 orang sembuh menjadikan jumlah sembuh 241,031 orang.

Sembilan kematian direkod kelmarin

Kuala Lumpur: Seramai 12,361,663 individu dewasa atau 52.8 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima suntikan dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman sesawang COVIDNOW, sejumlah 22,929,493 individu dewasa atau 97.9 peratus sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 99.2 peratus atau 23,238,753 individu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, seramai 2,791,409 individu atau 88.7 peratus sudah melengkapkan vaksinasi manakala 2,869,275 individu atau 91.2 peratus menerima

sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi vaksinasi harian pula, sebanyak 69,601 dos vaksin diberikan kelmarin meliputi 16,325 dos pertama, 759 dos kedua dan 52,517 dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 63,985,709 dos.

Sementara itu, menurut portal Github Kementerian Kesihatan, sembilan kematian akibat Covid-19 dilaporkan kelmarin dengan empat di Johor manakala satu kematian direkodkan masing-masing di Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang dan Terengganu. - Bernama

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA



ORANG ramai dinasihatkan agar terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan berikutan jangkitan harian Covid-19 meningkat melebihi 10,000 dua hari berturut-turut. - FARIZ RUSADIO

Sijil vaksin 1 juta warga emas bakal jadi 'putih'

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA - Sijil vaksinasi individu berusia 60 tahun ke atas serta individu yang lengkap dos Sinovac akan bertukar 'putih' sekiranya tidak mendapatkan dos penggalak sebelum 1 Mac ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sehingga kini, terdapat lebih kurang 32 peratus atau 1 juta warga emas masih belum mengambil dos penggalak.

"Semua penduduk berusia 60 tahun dan ke atas atau penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas perlu mengambil dos penggalak bagi

mengekalkan status vaksinasi lengkap sebelum 1 Mac 2022.

"Jika tidak sijil vaksinasi mereka akan bertukar 'putih' daripada 'kuning'," katanya pada sidang akhbar semalam.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Kesihatan (KKM) meminta supaya golongan itu segera mendapatkan dos penggalak dan boleh datang secara secara walk-in di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berhampiran.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan peningkatan kes Covid-19 ketika ini masih tidak menjejaskan sistem kesihatan negara, walaupun negara kini berhadapan dengan ancaman varian Omicron

yang lebih mudah merebak.

Ujarnya, ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pencapaian liputan vaksinasi lengkap bagi populasi yang tinggi.

Berhubung penggunaan katil di hospital, beliau berkata, sebanyak 3,233 katil digunakan daripada 9,776 yang disediakan dengan kadar penggunaan 33 peratus.

"Kadar penggunaan katil ICU pula adalah 14 peratus atau 116 daripada 850 katil yang disediakan menurut satu peratus.

"Buat masa ini, kadar penggunaan katil Covid-19 di fasiliti kesihatan kekal berada di tahap yang tidak membebankan," katanya.

Kerajaan perlu beri maklumat tepat

Oleh HARRITH HISHAM

PETALING JAYA - Kerajaan perlu memberi maklumat tepat bagi mengelakkan kebimbangan orang ramai terhadap penularan jangkitan Covid-19 dalam negara yang semakin meningkat ketika ini.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohammad Noorizzuddin Nooh berkata, kadar kebolehan jangkitan varian Omicron adalah amat agresif menyebabkan masyarakat masih lagi diselubungi dengan ketakutan sama seperti di awal fasa bermulanya pandemik pada 2020.

"Pada masa sama, negara-negara lain juga sudah merendahkan kesiapsiagaan mereka terhadap Covid-19, namun masyarakat di Malaysia masih bimbang dengan angka jangkitan yang dikeluarkan setiap hari.

"Namun, saya percaya jika kerajaan berjaya mendapatkan kepercayaan rakyat, ini sekaligus membantu kepada keadaan termasuk sektor ekonomi di negara ini boleh pulih secara berfasa" katanya kepada Kosmo semalam.

Kata beliau, walaupun masyarakat akan menyesuaikan diri kepada kondisi pandemik dan akhirnya akan hidup bersama-sama Covid-19 pada masa hadapan, kerajaan tetap perlu memulakan langkah bagi mengawal keadaan supaya tidak menjejaskan ekonomi sedia ada.

"Walaupun kadar kebolehan



Pada masa sama, negara-negara lain juga sudah merendahkan kesiapsiagaan mereka terhadap Covid-19, namun masyarakat di Malaysia masih bimbang dengan angka jangkitan yang dikeluarkan setiap hari."

jangkitan Omicron lebih tinggi daripada varian-varian terdahulu, namun kesan bagi tahap 4,5 dan kadar kematian adalah rendah.

"Kerajaan sebelum ini juga telah memberikan pengesahan bahawa perbuatan mengadakan sekatan pergerakan ialah langkah terbelakang dalam menangani pandemik ini," ujarnya.

Sementara itu, Mohammad Noorizzuddin menjelaskan bahawa kerisauan bagi sektor pelancongan juga turut dirasai sekiranya sektor ini kembali ditutup.

"Kebanyakan pemain industri pelancongan pada masa ini bergerak atas dua sumber pendapatan iaitu simpanan dan geran atau pinjaman.

"Kedua-dua pendapatan ini tidak akan bertahan jika kawalan pergerakan dilaksanakan kembali.

Menurutnya, masyarakat perlu faham fasa-fasa pandemik dan sebenarnya tugas untuk memberi kefahaman ini jatuh kepada kerajaan.

Jangkitan harian 11,034, hanya 53 kes kategori 3,4,5

PUTRAJAYA - Negara terus mencatatkan peningkatan jangkitan Covid-19 melebihi angka 11,000 dengan 11,034 kes semalam, namun hanya 53 kes daripadanya melibatkan kategori 3, 4 dan 5.

Berdasarkan maklumat yang dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, 53 kes tersebut meliputi 0.53 peratus daripada 11,034 kes dan selebihnya iaitu 10,976 peratus atau 99.47 peratus kategori satu dan dua.

Katanya, pertambahan kes baharu Covid-19 semalam menjadikan secara keseluruhan negara melaporkan kes kumulatif sebanyak 2,925,254 kes.

"Mengikut kategori pula, pesakit bagi kategori satu mencatatkan sebanyak 2,819 kes atau 25.55 peratus, manakala untuk kategori dua merekodkan 8,157



KENDERAAN beratur panjang di Pusat Penilaian Covid-19 (CAC), Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, Melaka semalam dipercayai berikutan pertambahan jangkitan. - RASUL AZLI SAMAD

kes atau 73.92 peratus.

"Kategori 3 (jangkitan paru-paru) 43 kes atau 0.39 peratus, kategori 4 (jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen) 11 kes atau 0.10 peratus serta kategori

lima (kritikal, organ rosak dan memerlukan ventilator) dengan empat kes atau 0.04 peratus," katanya menerusi ciapan di Twitter beliau semalam.

Sementara itu, jangkitan Co-

vid-19 negara mencatatkan peningkatan sebanyak 46 peratus sepanjang tempoh tujuh hari dengan kadar positif 5.5 peratus serta kesemua negeri-negeri turut merekodkan pertambahan kes.

Menurut data pada laman web COVIDNOW, Labuan mencatatkan peningkatan 200 peratus, diikuti oleh Perlis (147 peratus), Sabah (146 peratus), Sarawak (87 peratus), Terengganu (79 peratus), Pulau Pinang (62 peratus), Kedah (53 peratus) dan Pahang (52 peratus).

Selebihnya, Putrajaya (48 peratus), Johor (45 peratus), Perak (45 peratus), Selangor (43 peratus), Kelantan (23 peratus), Melaka (17 peratus), Kuala Lumpur (16 peratus) dan Negeri Sembilan (tujuh peratus).

Sementara itu, sebanyak sembilan kes kematian Covid-19 di-

laporkan, menjadikan jumlah kematian terkini mencatatkan 32,034 kes.

Menurut COVIDNOW, terdapat dua kes meninggal dunia di luar hospital atau brought-in-dead (BID), dengan jumlah kes BID sebanyak 6,464 kes.

"Kesemua kematian Covid-19 tersebut dilaporkan di Johor (empat), Melaka (satu), Negeri Sembilan (satu), Perak (satu), Pulau Pinang (satu) dan Terengganu (satu)," demikian maklumat tersebut di sini semalam.

Sebanyak 69,372 kes aktif melibatkan 60,999 kes sedang dikuarantin di rumah, 4,474 kes pula berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC), 3,962 kes di hospital, 66 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 71 kes di ICU adalah dengan bantuan pernafasan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Jemaah umrah hadapi kekangan arahan kerajaan

SOP diberi tidak jelas, ganggu persiapan

Oleh FITRI HAZIM

PETALING JAYA – Kerajaan digesa melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dengan segera untuk memudahkan urusan jemaah umrah yang akan memulakan penerbangan ke Tanah Suci bermula hari ini.

Pengerusi Eksekutif Andalusia Travel Sdn. Bhd., Datuk Md. Daud Che Ngah berkata, kebimbangan kekangan yang dihadapi jemaah umrah ketika ini adalah SOP yang membebaskan seperti tempoh ujian pengesanan Covid-19 RT-PCR telah dipendekkan dari 72 jam kepada 48 jam.

Ujar beliau, keputusan kerajaan memendekkan tempoh ini menjejaskan persiapan jemaah kerana kesuntukan masa serta risiko kenalkan kos.

"Sekarang ini SOP tidak jelas, membebaskan jemaah. Kalau sebelum ini, kerajaan menetapkan tempoh 72 jam untuk jalani RT-PCR sebelum pergi, sekarang sudah dipendekkan ke 48 jam.

"Jadi masalahnya, 48 jam itu, bila kita boleh ambil. Kalau kita pergi klinik kerajaan memang kita tidak akan dapat jawapan dalam dua hari," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Ujarnya, jika jemaah pergi ke klinik swasta, mereka perlu bayar sekalis kos semakin meningkat.

"Masalahnya sempat ke tidak, contoh jemaah dari Kelantan datang ke Kuala Lumpur. Esok nak terbang, hari ini datang ke Kuala Lumpur, sempat atau tidak (keputusan), nak kena bayar.

"Tapi kalau jemaah jalani pemeriksaan RT-PCR di swasta, ini ambil masa dalam empat jam sahaja untuk dapatkan jawapan. Kalau kerajaan kena dua hari baru dapat jawapan, yang ini memang berat," katanya.



GAMBAR fail bertarikh 30 Oktober 2021 menunjukkan jemaah umrah yang berangkat ke Tanah Suci di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

Ujarnya, kebimbangan para jemaah yang lain adalah "kebanyakan masih tidak mendapat tarikh penerbangan setelah dibuka semula oleh kerajaan bermula hari ini memandangkan jemaah perlu membuat persediaan untuk pengambilan insurans mengikut garis masa yang telah ditetapkan.

"Jemaah ada pilihan untuk ambil tiga jenis insurans. Pertama, takaful jenis insurans AIA, kena ambil tidak lewat seminggu sebelum pergi. Etika, pula jenis insurans 10 hari sebelum pergi kena ambil, tetapi tarikh pelepasan jemaah tak pasti bila akan dapat. Ini satu lagi perkara yang merunsingkan," jelasnya.

Jelasnya, selain itu, jemaah

bingung SOP berkaitan penempatan kuarantin setelah jemaah pulang dari mengerjakan umrah.

"Persoalan utama yang timbul, adakah jemaah boleh kuarantin di rumah. Sekiranya, kuarantin di hotel atau tempat yang disediakan mereka perlu menanggung kos bayaran RM150 sehari.

"Kalau tujuh hari kuarantin sudah jadi RM1,050 dan tidak semua berkemampuan," katanya.

Beliau turut menasihati jemaah supaya mengawal pergerakan dan mengikut SOP ditetapkan kerana penyebaran varian Omicron yang membimbangkan.

"Kalau dijangkiti, tidak boleh terbang, kos penerbangan, insurans, hotel, ibadah akan hangus begitu sahaja," tambahnya.

Taman Rimba kena PKPD kali ketiga

PUTRAJAYA – Ribuan penduduk Taman Rimba di Mentakab, Temerloh, Pahang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) buat kali ketiga.

Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Datuk Rodzi Md. Saad berkata, sekatan selama 14 hari itu bermula 12 tengah malam kelmarin sehingga 20 Februari ini.

Beliau menerusi kenyataan semalam berkata, pelaksanaan itu hasil penelitian penilaian risiko dan trend jangkitan Covid-19 yang dibentangkan pihak Kementerian Kesihatan.

Difahamkan, ia susulan penularan kluster tempat kerja yang mencetuskan Kluster Jalan Maran Batu Satu dengan merekodkan kumulatif 75 kes positif.

Kawasan perumahan itu pernah dikenakan PKPD sebanyak dua kali tahun lalu iaitu pada 22 Jun hingga 5 Julai dan pada 8 Ogos hingga 21 Ogos.

Ketika ini, Jabatan Kesihatan Pahang merekodkan tujuh kluster di daerah itu termasuk empat kluster pendidikan, dua kluster tempat kerja dan baki satu kluster komuniti.

Kesemua kluster itu mencatatkan 229 kes positif Covid-19 yang menjadikan keseluruhan di Temerloh berjumlah 14,186




Ketika ini, Jabatan Kesihatan Pahang merekodkan tujuh kluster di daerah itu termasuk empat kluster pendidikan, dua kluster tempat kerja dan baki satu kluster komuniti."

kes sejak pandemik itu dikesan Mac 2020.

Dalam pada itu, Rodzi turut memaklumkan bahawa PKPD di Kolej Vokasional Sultan Ahmad Shah, Rompin berakhir 12 tengah malam tadi seperti dijadualkan.

Lokaliti itu dikenakan sekatan sejak 25 Januari lalu ekoran Kluster Simpang Sepayang diumumkan pada 21 Januari lepas yang setakat semalam sudah merekodkan sebanyak 81 kes positif.

Kolej berasrama dan bergred A terletak di Jalan Endau-Rompin itu dibuka oleh Kementerian Pendidikan sejak 1989 dengan nama asalnya Sekolah Menengah Vokasional Kuala Rompin.



KLUSTER tempat kerja menyebabkan PKPD dilaksanakan di Taman Rimba, Mentakab, Temerloh buat kali ketiga. – GAMBAR HIASAN

Kes Covid-19 di Kedah meningkat berpunca varian Omicron

ALOR SETAR – Peningkatan kes Covid-19 di Kedah sehingga mencecah 904 kes sehari kelmarin dipercayai berpunca daripada gelombang varian Omicron.

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr. Othman Warjo berkata, jumlah kes yang direkodkan itu juga merupakan tertinggi dalam tempoh empat bulan di negeri ini.

Kata beliau, negara kini sedang mengalami gelombang jangkitan varian Omicron menyebabkan

kena peningkatan kes baharu mendadak di seluruh negara dan rantau Asia Tenggara.

"Namun begitu, laporan COVIDNOW semasa menunjukkan kadar pengisian katil Covid-19 hospital di Kedah adalah pada kadar 12.1 peratus, manakala kadar kematian Covid-19 ialah 14 per 10 juta penduduk.

"Kita dapat lihat dengan adanya liputan imunisasi yang tinggi, walaupun berlaku peningkatan

kes Covid-19, namun kemasukan ke hospital dan kematian adalah masih rendah dan terkawal," jelasnya.

Othman berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Imunisasi Covid-19 Kanak-Kanak (PICKids) di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), di sini semalam.

"Majoriti kes baharu juga dalam kategori ringan, jadi golongan dewasa digalakkan mendapatkan suntikan penggalak,

manakala kanak-kanak perlu mendapatkan suntikan vaksin melalui PICKids," ujarnya.

Menurutnya, sebelum ini, jangkitan kes Covid-19 didapati meningkat disebabkan kluster pendidikan yang berlaku di asrama sekolah.

"Sewaktu cuti sambutan Tahun Baharu Cina ini, kita dapat majoriti kes jangkitan bukanlah daripada kluster tetapi disebabkan kontak rapat dan sering bergejala.

"Sukar untuk mendapatkan hubungan antara kes jangkitan berikutan bilangan kes baharu dikesan, namun ia memberi gambaran jangkitan sudah berada di mana-mana sahaja," katanya.

Beliau mengingatkan orang awam untuk terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti sentiasa memakai pelitup muka di tempat awam, melakukan penjarakan fizikal dan elak berada di tempat sesak.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN



**Wajib ambil
dos penggalak
sebelum
1 Mac**

SEMUA individu berusia 60 tahun ke atas dan penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun ke atas perlu mengambil suntikan dos penggalak bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap sebelum 1 Mac ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, jika gagal berbuat demikian, status vaksinasi yang tertera dalam aplikasi MySejahtera mereka akan bertukar menjadi tidak lengkap.

7

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Peringatan kepada rakyat Malaysia

Sijil vaksinasi bertukar putih jika tidak ambil dos penggalak

Oleh **TUAN BUQHAIIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Sijil vaksinasi penerima dos primer Sinovac akan bertukar menjadi putih sekiranya individu tersebut tidak mendapatkan dos penggalak Februari ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, berdasarkan data terdapat sejumlah 3.5 juta penerima dos primer Sinovac masih belum mendapatkan dos penggalak.

"Jika mereka yang layak tidak mendapatkan dos penggalak pada Februari ini, sijil vaksinasi kuning

akan bertukar menjadi putih mulai 1 Mac," katanya pada sidang akhbar di kementerian di sini pada Isnin.

Menurut Khairy, sekiranya enggan menerima campuran vaksin, penerima dos primer Sinovac kini boleh mengekalkan jenama vaksin sama sebagai dos penggalak.

"Jika tidak mahu terima Pfizer, tidak mahu AstraZeneca, kita masih ada sedikit lagi bekalan Sinovac dan akan disediakan berdasarkan first come first serve," katanya.

Beliau berkata, meskipun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpandangan bahawa orang ramai masih digalakkan untuk menerima vaksin Pfizer atau AstraZeneca.

"Sekali lagi saya ingin tegaskan



KHAIRY



perlindungan yang terbaik adalah dengan Pfizer atau AstraZeneca.

Sebagai analoginya, Khairy berkata, KKM menyarankan individu mengembara ke negara musim sejuk memakai kot (coat) dan memberikannya secara percuma tetapi mereka enggan menerimanya serta mahu memakai baju T sahaja.

"Ok lah, baju T itu lebih baik dari mereka tidak memakai apa-apa, kita beri pilihan," katanya.

Sementara itu, ditanya masa ada penerima dos penggalak Sinovac berkemungkinan memerlukan satu lagi dos penggalak dalam masa tertentu, Khairy berkata, ia tiada dalam perancangan kementerian. "Setakat ini, dos ketiga itu adalah sebagai dos penggalak," katanya.

KATEGORI JANGKITAN BAHARU COVID-19

KATEGORI 2A (RINGAN)

- Sakit tekak atau selesema tanpa demam atau sesak nafas
- Batuk tanpa demam atau sesak nafas
- Hilang deria rasa tetapi masih mempunyai selera makan
- Hilang deria bau
- Cirit-birit dua kali atau kurang dalam masa 24 jam tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)
- Loya dan muntah tetapi kekerapan dan pengeluaran air kencing seperti biasa (normal)
- Kelesuan tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian
- Sakit otot tetapi masih boleh melakukan aktiviti harian

KATEGORI 2B (SEDERHANA)

- Demam berpanjangan (dua hari dan lebih) atau demam semula selepas sembuh
- Kesukaran bernafas apabila melakukan aktiviti (exertional dyspnoea)
- Sakit dada
- Tidak boleh makan atau minum
- Kelesuan bertambah teruk terutama semasa melakukan aktiviti harian atau semasa baru bangun daripada tidur
- Memerlukan bantuan untuk berjalan
- Gejala seperti batuk, loya, muntah atau cirit-birit semakin teruk atau berterusan
- Perubahan status mental seperti kekeliruan atau kurang tahap sedar
- Kurang pengeluaran air kencing dalam masa 24 jam

Pesakit kategori satu tidak perlu hadir ke CAC

PUTRAJAYA - Pesakit Covid-19 kategori satu yang tiada gejala, 2A dan tidak berisiko tinggi tidak perlu hadir ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC).

Sekiranya, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, pesakit perlu melakukan pemantauan sendiri setiap hari melalui *Health Assessment Tool (HAT)* dalam aplikasi MySejahtera.

"Perkhidmatan mesej ringkas (SMS) atau panggilan daripada perkhidmatan *automated voice*

recording (robocall) akan dihantar sekiranya anda tidak menjalankan pemantauan sendiri melalui MySejahtera," katanya.

Menjelaskan dengan lebih lanjut kategori 2A, beliau berkata, ia adalah keadaan pesakit Covid-19 bergejala ringan seperti sakit tekak, selesema tanpa demam atau sesak nafas.

Menurutnya, individu yang perlu hadir ke CAC terdekat untuk penilaian tahap jangkitan akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi

CAC melalui SMS atau telefon.

"Individu yang positif kategori 2B iaitu bergejala sederhana dan ke-atas atau kumpulan berisiko serta tidak mempunyai vaksinasi dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat untuk pemeriksaan tanpa perlu menunggu panggilan telefon daripada pejabat kesihatan daerah (PKD)," katanya.

Khairy berkata, tempoh isolasi individu positif Covid-19 yang tidak bergejala dan lengkap vaksinasi adalah tujuh hari, ma-

nakala 10 hari bagi yang tidak lengkap atau tiada vaksinasi.

"Bagi individu kontak rapat, tempoh isolasi adalah lima hari bagi penerima dos penggalak dan tujuh hari bagi mereka yang lengkap vaksinasi, sementara 10 hari yang tiada vaksinasi," katanya.

Ujarnya, kesemua kontak rapat yang tidak bergejala tidak perlu hadir ke CAC dan melakukan ujian pengesanan Covid-19.

"Kontak rapat diberikan perintah pengawasan di rumah (HSO) digital dan perlu di-

kuarantin di kediaman," katanya.

Sementara itu, KKM mengaktifkan semula National Covid-19 Rapid Response Task Force (NRRTF) yang akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Chong Chee Kheong dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Asmayani Khalib bagi memastikan tahap kesiapsiagaan yang tinggi dalam menghadapi gelombang baharu Omicron.

Amalan bekerja dari rumah terus digalakkan

PUTRAJAYA - Majikan sangat digalakkan untuk meneruskan amalan bekerja dari rumah (BDR) dalam usaha mewujudkan persekitaran tempat kerja selamat.

Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, sistem penggiliran ke pejabat juga digalakkan untuk terus dilaksanakan oleh majikan.

"Pagi tadi saya telah bincang dengan Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan bersetuju bahawa buat masa ini kerajaan sangat menggalakkannya bagi mengimbangi kesihatan awam dan pemulihan

ekonomi," katanya.

Menurutnya, majikan juga dinasihatkan membantu pekerja melaksanakan ujian saringan Covid-19 terutamanya mereka yang bergejala.

"Mungkin ada di antara pekerja yang sukar mendapat kit ujian saringan, tolong sediakan dan beri pelitup muka berkualiti," katanya.

Beliau berkata, mana-mana majikan yang ingin melakukan pengubahsuaian sistem pengudaraan di pejabat dan tempat kerja, boleh mendapatkan insentif daripada MOF.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Jangkitan baharu meningkat lagi

Malaysia rekod kes Covid-19 baharu melebihi angka 10,000 dua hari berturut-turut

Oleh DIANA AZIS

SHAH ALAM

Malaysia merekodkan kes baharu Covid-19 melebihi paras 10,000 untuk dua hari berturut-turut apabila 11,034 kes positif dilaporkan setakat 12 tengah hari Isnin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu menjadikan kumulatif kes Covid-19 sebanyak 2,925,254. Menerusi laman sosial Twitter rasminya, beliau berkata, sejumlah 99.47 peratus atau 10,976 kes baharu adalah dalam Kategori Satu dan Dua, manakala 58 kes lagi atau 0.53 peratus berada dalam Kategori Tiga, Empat dan Lima.

Menurutnya, Kategori Satu mencatat sebanyak 2,819 kes atau 25.55 peratus; Kategori Dua (8,157 kes atau 73.92 peratus); Kategori Tiga (43 kes atau 0.39 peratus); Kategori Empat (11 kes atau 0.1 peratus) dan Kategori Lima (empat kes atau 0.04 peratus).

Menurut infografik yang



DR NOOR HISHAM

turut dinuat naik, Kategori Tiga melibatkan jangkitan paru-paru, sementara Kategori Empat membolehkan jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen, manakala Kategori Lima adalah kritikal, organ rosak serta memerlukan bantuan ventilator.

Sebagai perbandingan jumlah kes pada Ahad adalah sebanyak 10,089.

Di ALOR SETAR, peningkatan jumlah baharu Covid-19 di Kedah sehingga mencapai 904 kes pada Ahad dipercayai berpunca daripada gelombang Omicron.

Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Othman Warioj berkata, angka itu merupakan jumlah tertinggi dicatatkan dalam tempoh empat bulan di negeri ini.

Menurut Dr Othman, negara kini mengalami gelombang jangkitan varian Omicron menyebabkan peningkatan kes baharu mendadak di seluruh negara

Kategori Satu mencatat sebanyak 2,819 kes atau 25.55 peratus; Kategori Dua (8,157 kes atau 73.92 peratus); Kategori Tiga (43 kes atau 0.39 peratus); Kategori Empat (11 kes atau 0.1 peratus) dan Kategori Lima (empat kes atau 0.04 peratus)."

dan rantau Asia Tenggara.

"Sungguhpun demikian, laporan laman CovidNow semasa menunjukkan kadar pengisian katil Covid-19 hospital di Kedah adalah pada kadar 12.1 peratus, manakala kadar kematian ialah 14 per 10 juta penduduk.

"Kita dapat lihat dengan adanya liputan inonisasi yang tinggi, walaupun berlaku peningkatan kes Covid-19, namun kemasukan ke hospital dan kematian adalah masih rendah," katanya.

Beliau memberitahu, majoriti kes baharu juga adalah dalam kategori ringan.

"Sehubungan itu, orang dewasa digalakkan mendapatkan suntikan penggalak, manakala kanak-kanak mendapatkan vaksin melalui PCKids," katanya.

Tambah beliau, sebelum ini, jangkitan kes Covid-19 didapati meningkat disebabkan kluster pendidikan yang berlaku di asrama sekolah.

Rakyat mohon PM tepati janji tidak laksana PKP



NUR FARAH IRMANI



NUR DINI DAYANA



MOHD KHAIRUL

SHAH ALAM

Orang ramai mengharapkan supaya Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menepati janji dengan tidak melaksanakan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sekatan untuk pulang ke kampung bagi sambutan Aidilfitri sepertimana dimaklumkan sebelum ini.

Ia berikutan kes harian Covid-19 terus melonjak kepada 11,034 pada Isnin, berbanding 10,089 pada Ahad, sekali gus mencatatkan kes harian tertinggi dilaporkan sejak PKP dilonggarkan bermula Oktober tahun lalu.

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar menjangkakan kes jangkitan Covid-19 akan mencecah 15,000 dalam waktu terdekat.

Justeru, seorang pelajar, Nur Farah Irmah Hairol Azha, 20, mengharapkan agar kerajaan tidak lagi memberikan harapan palsu, malah menepati janji untuk tidak melaksanakan PKP Raya kepada Keluarga Malaysia kerana masing-masing sudah penat beraya di perantaraan.

"Hampir dua tahun tak dapat pulang ke kampung. Saya rindu nak beraya bersama datuk dan nenek di Pahang.

"Kasihannya mereka sunyi kerana anak cucu tidak dapat pulang ke kampung.

"Jadi, saya harap kerajaan memegang janji untuk tidak melaksanakan PKP Raya tahun ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Seorang lagi pelajar, Nur Dini Dayana Fadzie, 22, berkata, kerajaan wajar mengekalkan kebenaran untuk merentas negeri berikutan sudah ramai yang mengambil vaksin sebagai langkah pencegahan wabak tersebut.

"Jadi diharap kerajaan membenarkan rakyat pulang ke

MEMENPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

kampung menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri sekiranya kes masih lagi tinggi. Walaupun ada yang difangkiti

Covid-19, namun bilangan kematian dapat dikurangkan kerana adanya vaksin sebagai langkah pencegahan," katanya.

Turut senada, pekerja swasta, Nik Nabilah Nik Aziman, 29, yang mana dia mengharapkan supaya kerajaan terus melonggarkan sekatan perjalanan, terutama sewaktu musim perayaan Aidilfitri nanti.

Nik Nabilah berkata, meskipun kes mencatatkan angka yang tinggi, namun hampir 99 peratus individu yang difangkiti adalah kategori satu dan dua, berbanding individu daripada kategori tiga hingga lima.

"Justeru, PKP secara menyeluruh memang bukan lagi pendekatan yang kita boleh gunakan sekarang kerana ia menjejaskan pelbagai aspek, iaitu ekonomi, pendidikan, kesihatan mental dan sosial masyarakat.

"Begitu juga dengan sekatan pergerakan lain, termasuk halangan untuk pulang beraya," katanya.

Sementara itu, seorang kerani, Mohd Khairul Hamdan Zalani, 31, berkata, orang ramai diminta supaya mengambil dos penggalak bagi mengurangkan keseriusan gejala.

Katanya, pengambilan dos penggalak juga amat penting bagi memastikan tiada penularan jangkitan berlaku sewaktu perayaan Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

"Setelah dua tahun beraya dalam suasana PKP, saya berharap tahun ini kita semua dapat bersama-sama keluarga merayakan hari kemenangan, bukan sahaja untuk menyambut hari raya, malah behasinya kita daripada pandemik," katanya.

KAPASITI DAN KESIAPSIAGAAN FASILITI COVID19 KEMENTERIAN

KESIHATAN MALAYSIA

120 HOSPITAL COVID-19 :

43 PKRC

- 9 Full COVID-19
- 111 Hybrid COVID-19

Fasiliti Hospital	Bilangan Katil	Bilangan Pesakit	Kadar Penggunaan
Katil hospital (COVID19/ suspected/ probable)	9,345	3,963	40%
Katil Pusat Kuarantin & Rawatan COVID19 Berisiko Rendah	10,810	4,474	41%
Jumlah katil COVID	20,655	8,437	41%
Katil ICU (COVID19/ suspected/ probable)	846	137	16%
Jumlah Ventilator	2,842	71	33%
Jumlah Populasi Malaysia Menerima 2 Dosis Vaksin (Date: 06 Februari 2022)	25,719,260		78.8%

Nota : Data diemaskini pada 6 Februari 2022 (7pm)

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

'Rasa seperti digigit nyamuk sahaja'

Kanak-kanak di Pahang, Kedah dan Pulau Pinang teruja disuntik vaksinasi Covid-19.

Laporan NIK AMIRUL MU'MIN NIK MIN, NURUL HIDAYAH HAMID dan SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

KUANTAN

Seramai 30 kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun menjadi kumpulan pertama menerima suntikan vaksin melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Pahang pada Isnin.

Proses pemberian vaksin diadakan di pusat pemberian vaksin khas (SPPV) Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini bermula jam 9.30 pagi.

Ibu bapa yang ditemui *Sinar Harian*, mengaku memilih menghantar anak masing-masing menerima suntikan vaksinasi kerana yakin ia adalah ikhtiar untuk kehidupan yang lebih selamat.

Bagi Saidatul Asyikin Nordin, 37, dan suami, Mohd Amri Abdul Basid, 40, mereka tidak ragu-ragu untuk menghantar tiga anak serentak bagi mendapatkan vaksinasi Covid-19 di SSPV HTAA.

Kedua-tiga anak mereka iaitu Affan Zareef, 11; Ahmad Acril Zafrel, 10 dan Annur Jelita Zahra, 5, kelihatan teruja untuk menerima vaksin tanpa rasa takut.

Saidatul Asyikin berkata, dalam situasi kes yang semakin meningkat, dia dan suami bimbang risiko jangkitan terhadap kanak-kanak apabila lagi salah seorang daripada anak mereka menghidap asma.

Sehingga Sabtu lalu, seramai 28,446 kanak-kanak atau 14.3 peratus daripada anggaran 197,700 kanak-kanak di Pahang telah didaftarkan dalam sistem MySejahtera.

Di ALOR SETAR, pelajar tahun empat, Umar Achmad Rachmad Kurniawan, 11, memaklumkan menerima suntikan



Saidatul Asyikin dan Mohd Amri bersama tiga anak mereka yang hadir sebagai kumpulan pertama penerima vaksin di SSPV HTAA, Pahang.



Malini menemani Shivvaan (kiri) dan Dhanvin (depan) ketika mendapatkan suntikan vaksin di SSPV HPP, Pulau Pinang pada Isnin.

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

vaksin Covid-19 bersama dua adik perempuannya iaitu Umairah, 9, dan Umaimah, 7, di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Kedah di sini.

"Rupa-rupanya suntikan vaksin ini rasa seperti digigit nyamuk sahaja," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Kedah, Dr Othman Warjo berkata, pihaknya menyasarkan kira-kira 80 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun akan menerima suntikan vaksin dalam tempoh enam bulan.

"Sehingga kini, sebanyak 33,930 pendaftaran kanak-kanak diterima melalui aplikasi MySejahtera," katanya.

Di PULAU PINANG, dua beradik mengaku rela disuntik vaksinasi Covid-19 tanpa sebarang paksaan.

G Shivvaan, 10, dan adiknya, G Dhanvin, 5, juga ialah antara kanak-kanak terawal di Pulau Pinang yang menerima suntikan menerusi PICKids pada Isnin.

"Saya teruja untuk vaksin hari ini (Isnin)," kata G Shivvaan.

Dua beradik itu hadir ke SSPV Hospital Pulau Pinang (HPP) ditemani ibu mereka, M Malini, 39.

Dr Othman
(kanan)
berbual
dengan tiga
beradik yang
menerima
suntikan
vaksin
Covid-19 di
HSB, Alor
Setar.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

Sijil luput jika tidak ambil dos penggalak selepas 1 Mac

Oleh PETAH WAZZAN

ISKANDAR
utusannews@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Sebanyak 3.5 juta penerima vaksin Sinovac dan golongan berusia 60 tahun ke atas yang belum mendapatkan suntikan dos penggalak 1 Mac ini akan mendapati sijil vaksinasi mereka luput dan mereka akan dikenakan sekatan tertentu.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya mengakui terdapat keengganan penerima vaksin Sinovac untuk mendapatkan dos penggalak dari campuran vaksin jenama lain walaupun ia sebenarnya digalakkan.

Justeru, beliau memaklumkan, semua penduduk berusia 60 tahun dan ke atas atau penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun dan ke atas perlu mengambil suntikan dos penggalak bagi mengekalkan status vaksinasi lengkap sebelum 1 Mac ini.

"Selepas ini sijil digital tukar warna jadi putih selepas 1 Mac (bagi penerima vaksin Sinovac) maksudnya status penuh vaksin belum lengkap jika tidak ambil dos penggalak, jadi sekatan dibuat di pintu masuk tertentu.

"Kita maklum ada keengganan penerima Sinovac untuk dapatkan dos penggalak dari campuran walaupun digalakkan, pada masa ini ada 3.5 juta penerima vaksin Sinovac belum dapat dos penggalak. Keberkesanan Sinovac adalah



KHAIRY JAMALUDDIN

berkurangan.

"Jadi kita buat keputusan walaupun KKM masih berpandangan menggalakkan mereka menerima Pfizer dan AstraZeneca, namun kita akan beri pilihan untuk berikan dos sama Sinovac. Kita akan umumkan kemudian," katanya dalam sidang akhbar di sini, semalam.

Katanya, sekiranya belum lengkap dengan tidak mengambil dos penggalak, sijil digital

aplikasi MySejahtera bertukar jadi warna putih.

"Apabila ia berubah kepada warna putih, maka akan berlakunya sekatan di mana-mana pintu masuk premis.

"Pemilik premis juga diminta meningkatkan kawalan kemasukan pelanggan dengan menyemak status risiko dan vaksinasi di dalam aplikasi MySejahtera pelanggan," katanya.

Dalam pada itu, beliau

berkata, Individu yang belum divaksin adalah sembilan kali lebih berkemungkinan untuk dijangkiti dan 62 kali lebih berkemungkinan kematian akibat Covid-19 berbanding individu yang lengkap vaksin atau dos penggalak.

Beliau berkata, penduduk Malaysia digalakkan untuk mendapatkan dos penggalak dengan seberapa segera bagi melindungi diri, keluarga dan negara terutama dengan peningkatan kes yang mendadak berkaitan dengan varian Omicron.

Katanya, dos penggalak memberi perlindungan daripada jangkitan Covid-19 terutama sekali komplikasi teruk.

"Sehingga kini, terdapat lebih kurang 32 peratus atau satu juta warga emas yang masih belum mengambil dos penggalak.

"Risiko jangkitan teruk juga adalah lebih tinggi dalam kalangan warga emas berdasarkan data iaitu daripada 32,034 kematian sehingga 6 Februari 2022, sebanyak 18,362 atau 57.32 peratus melibatkan warga emas," katanya.

Khairy berkata, mana-mana penduduk yang layak, terutamanya warga emas dan individu dengan komorbiditi, untuk mendapatkan dos penggalak.

Katanya, semua individu yang berumur 60 tahun dan ke atas perlu segera mendapatkan dos penggalak dan boleh datang secara walk-in di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berhampiran," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

Hanya empat kes kategori lima

PETALING JAYA: Sebanyak 11,034 kes baharu harian Covid-19 dilaporkan semalam, peningkatan 945 kes berbanding hari sebelumnya tetapi jumlah kes dalam kategori tiga, empat dan lima hanyalah 58 kes.

Daripada 58 kes itu, 43 kes berada dalam kategori tiga, 11 kes kategori empat dan empat kes dalam kategori lima.

Kategori tiga adalah mereka yang mempunyai jangkitan paru-paru, kategori empat (jangkitan paru-paru dan memerlukan oksigen) manakala kategori lima adalah pesakit yang kritikal, organ rosak dan memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kategori satu dan dua masing-masing adalah 2,819 kes atau 25.55 peratus dan 8,157 kes (73.92 peratus).

Katanya, perkembangan itu menyaksikan jumlah kumulatif sebanyak 2,925,254 kes.

Selangor merekodkan 2,411 kes baharu, menurun berbanding 2,549 kes kelmarin, Sabah (1,600 kes), naik daripada 1,285 kes kelmarin, Kelantan (666 kes) dan Kuala Lumpur 380 kes.

Omicron berakhir jika dos penggalak capai 70 peratus

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Jangkitan kes Omicron yang kian meningkat di negara ini hanya akan berakhir sekiranya lebih 70 peratus populasi rakyat menerima suntikan dos penggalak.


Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pakar Kesihatan Komuniti Fakulti Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, bagaimanapun setakat ini kadar rakyat mendapat dos penggalak masih rendah iaitu 37.9 peratus.

Katanya, kebanyakan negara luar yang berhadapan gelombang Omicron membimbangkan sebelum ini telah berjaya mengurangkan risiko akibat jangkitan setelah kadar dos penggalak mencapai 70 peratus populasi penduduk.

"Kita perlu menggalakkan golongan berisiko dan warga emas untuk mendapat suntikan dos penggalak dengan segera sekiranya mahu mengurangkan kadar kemasukan wad dan kematian memandangkan peratusan menerima pelalian itu masih rendah.

"Oleh itu, kita perlu memberikan insentif kepada rakyat mendapat suntikan dos penggalak di samping meningkatkan keyakinan kepada mereka. Sektor kerajaan dan swasta wajar mengemblem usaha itu termasuk memberikan cuti tanpa rekod bukan sahaja ketika hari temujanji, tetapi sehari selepas menerima suntikan," katanya.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pihaknya menjangkakan bila-



PETUGAS kesihatan melakukan pemeriksaan terhadap orang ramai yang hadir ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh, semalam. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

ngan jangkitan Covid-19 boleh mencecah sehingga 22,000 kes menjelang akhir Mac tahun ini apabila nilai kebolehan jangkitan (Rt) negara mencatatkan 1.20.

Dalam pada itu, Dr. Sharifa Ezat menegaskan, kerajaan tidak boleh melengah-lengahkan untuk menegakkan semula prosedur operasi standard (SOP) sekiranya menjangkakan bilangan jangkitan Covid-19 lebih tinggi pada bulan depan.

Jelas beliau, aspek tersebut termasuk menegakkan aktiviti sosial dan perhimpunan orang ramai yang menjadi punca penularan Covid-19 lebih cepat.

"Seperti negara lain, kebanyakan mereka menegakkan SOP aktiviti sosial seperti mengurangkan jumlah pelanggan di restoran dan menggalakkan bekerja dari rumah serta mesyuarat secara dalam talian bagi mengelakkan pertemuan bersemuka," katanya.

Dalam nada sama, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Datuk Abdul Halim Mansor berkata, kerajaan dan pihak majikan perlu mengeluarkan arahan bekerja dari rumah (BDR) sekiranya bimbang dengan peningkatan kes dalam masa terdekat.

Katanya, kerajaan dan Kementerian Kesihatan tidak boleh hanya menakut-nakutkan orang ramai dengan mengeluarkan jangkaan kes, sebaliknya perlu melakukan sesuatu bagi mengelakkan situasi lebih serius.

"Kalau boleh bekerja dari rumah, silakan teruskan dan bukannya terus membenarkan kehadiran 100 peratus ke pejabat. Hal ini kerana segala arahan adalah bermula daripada pihak kerajaan.

"Kerajaan tidak boleh hanya mengumumkan kes akan meningkat 22,000 tetapi tidak melakukan sesuatu bagi mengurangkan kes," katanya.

Boleh PRN walaupun Covid-19 meningkat

KUALA LUMPUR: Peningkatan kes positif Covid-19 tidak wajar dijadikan alasan untuk menghalang Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor daripada diadakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penganalisis politik, Prof. Dr. Azmi Hassan berkata, ini kerana kerajaan sudah lama tidak menjadikan jumlah kes positif sebagai ukuran untuk membatalkan atau melaksanakannya sesuatu kegiatan aktiviti.

"Kalau dulu sebelum vaksin,

bolehlah nak halang dan buat sekatan, tetapi sekarang hampir 90 peratus rakyat sudah divaksin dan dalam hal ini kes di unit rawatan rapi (ICU) yang perlu dijadikan ukuran

"Lihat keadaan di Denmark, negara itu sudah membatalkan pemakaian pelitup muka walaupun kes meningkat tetapi kes di ICU masih boleh ditampung," katanya ketika dihubungi semalam.

Dalam pada itu, seorang

pakar kesihatan awam, Prof. Madya Dr. Malina Osman ketika dihubungi berkata, buat masa ini semua aktiviti masih boleh berjalan seperti biasa termasuklah PRN Johor walaupun berlaku peningkatan kes Covid-19.

"Namun Kementerian Kesihatan perlu memperbanyakkan usaha dan kempen untuk meningkatkan penerimaan dos penggalak.

"Berdasarkan angka semasa

yang direkodkan, sistem kesihatan kita masih boleh menangani penularan kes itu, jadi tidak ada isu dengan aktiviti sedia ada termasuklah PRN. Saya berpendapat ia boleh dilaksanakan dengan SOP seperti yang dilaksanakan di negeri-negeri sebelum ini," kata

Setakat semalam sebanyak 11,034 kes baharu positif Covid-19 dilaporkan dan menjadikan kes keseluruhan mencecah 2,925,254 kes setakat ini.



AZMI HASSAN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 29

RUANGAN : DALAM NEGERI

Yakin PicKids tingkatkan imunisasi

Oleh DIANA SURYA ABD WAHAB
utusannews@mediamulla.com.my

KUANTAN: Ibu bapa menyambut baik Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PIC-Kids) sebagai ikhtiar untuk memastikan anak-anak selamat daripada kesan jangkitan Covid-19 sekali gus membantu mengekang penularan varian baharu Omicron.

Tinjauan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), dekat sini mendapati, kebanyakan ibu bapa membuat tempahan janji temu vaksinasi anak mereka yang berusia lima hingga 11 tahun sebaik sahaja menerima notifikasi vaksinasi di MySejahtera.

Seorang pensyarah di sebuah universiti tempatan, Nurul Shahida Mohd. Shalahim, 41, berkata, selepas anaknya, Iyra Alveena Muhammad Firdaus, 10, mengambil suntikan vaksin dos pertama, ia memberi keyakinan untuknya melepaskan anak terutama ke sekolah atau pun sebarang aktiviti riadah di luar kawasan rumah.

"Dengan pengambilan vaksin ini, saya rasa yakin untuk melepaskan anak keluar terutama pergi ke sekolah khususnya dan juga pergi ke mana-mana sahaja kerana kita tahu vaksin ini adalah usaha untuk menguatkan imu-



